

Harga Dokumen Sebutharga: RM10.00

No. Siri: 000



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG**

NO. KENYATAAN SEBUTHARGA

BIL.PSUKPP 44/2012

SEBUTHARGA BAGI

**“MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG,
MENGUJI DAN MENTAULIAH
SISTEM iGOV PENANG DASHBOARD FASA II
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG”**

PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGERI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 24, KOMTAR
PULAU PINANG

Tarikh : 26 April 2012

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

1. No. Sebutharga : **BIL.PSUKPP 44/2012**
2. Tajuk : **Sebutharga Bagi “MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH SISTEM iGOV *PENANG DASHBOARD* FASA II KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG”**
3. Tarikh Tutup : **9 Mei 2012 sebelum 12.00 tengah hari**
4. Perhubungan : Semua perhubungan dan pertanyaan mengenai sebutharga ini serta cara penyerahan sebutharga ini hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berdaftar dan ditanda pada bahagian atas sebelah kiri seperti berikut :-

SEBUTHARGA BAGI “MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH SISTEM iGOV *PENANG DASHBOARD* FASA II KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG” (BIL.PSUKPP 44/2012)

dan dialamatkan kepada :

Pengurus
Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Tingkat 24, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

5. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan **ePerolehan** Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan ePerolehan boleh mendapatkan **borang sebut harga melalui laman web ePerolehan**.

6. Pihak Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima sebarang TAWARAN SEBUTHARGA yang terendah atau mana-mana SEBUTHARGA

dan SYARIKAT yang tertentu. Harga yang dikemukakan ini mestilah meliputi kos-kos yang difikirkan perlu.

7. Sebutharga yang diserahkan mestilah ditandatangani oleh pegawai syarikat yang terlibat serta disahkan dengan menggunakan cop syarikat.

8. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah, tertinggi atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Pemilik Syarikat adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat hitam dengan jelas segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan pemilik syarikat di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, pemilik syarikat hendaklah menandatangani ringkas semua pindaan yang dilakukan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **Bil. PSUKPP/44/2012** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, pemilik syarikat boleh menghubungi urus setia untuk penjelasan lanjut.

3. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA *

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh sahaja).

4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

5. PERINGATAN MENGENAI RASUAH

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mencegah dan membendung perlakuan rasuah, berikut disenaraikan peringatan mengenai kesalahan rasuah :

- 5.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 5.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).
- 5.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 5.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

6. PELAKSANAAN INTEGRITI PACT

- 6.1 *Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida** bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga adalah seperti di **Lampiran F**. Surat Akuan Pembida adalah dokumen wajib yang perlu disertakan bersama dokumen tawaran penyebut harga.*
- 6.2 *Penyebut harga yang berjaya perlu menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Format Surat Akuan Pembida Berjaya adalah seperti*

di **Lampiran H**. PTJ hendaklah memastikan Surat Akuan Pembida Berjaya juga dijadikan sebagai dokumen wajib yang perlu disertakan bersama Surat Setuju Terima/Pesanan Tempatan.

5. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

SYARAT-SYARAT TAWARAN

Pembekal mestilah memahami segala syarat-syarat tawaran supaya sebutharga yang dihantar adalah lengkap.

1. Segala arahan, syarat tawaran dan penentuan kerja akan dijadikan sebahagian daripada dokumen perjanjian yang akan dimeterikan.

2. Borang tawaran dan semua dokumen yang dihantar mestilah sampai di Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Tingkat 24, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), Pulau Pinang pada waktu dan tarikh yang ditetapkan.

3. Harga tawaran sebutharga mestilah sah selama 90 hari daripada tarikh tawaran ditutup.

4. Penyetujuan Tawaran

4.1 Pihak Kerajaan Negeri **tidak tertakluk** untuk :

- a) Menerima mana-mana sebutharga yang menawarkan harga terendah sekali ataupun sebarang syarat-syarat yang dikenakan oleh syarikat.
- b) Menawarkan keseluruhan sebutharga kepada mana-mana syarikat.

5. Pengiklanan

5.1 Tiada iklan mengenai setuju terima terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan di dalam akhbar, majalah atau lain-lain perantaraan iklan tanpa kelulusan terlebih dahulu dari Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

6. Penyerahan Sebutharga

6.1 Setiap pembekal dikehendaki menghantar Borang Tawaran Sebutharga mengikut format asal yang telah ditetapkan kepada Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri beserta susunan lampiran seperti berikut :

- (a) **Lampiran A** – Kertas Cadangan Projek
- (b) **Lampiran B** – Profil Penender
- (c) **Lampiran C** – Surat Akuan Pembida
- (d) **Lampiran D** – Borang Tawaran Sebutharga
- (e) **Lampiran E** – Jadual Harga
- (f) **Lampiran F** – Surat Akuan Pembida Berjaya
- (g) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Akuan Kontraktor Bumiputera (jika ada) dari Kementerian Kewangan Malaysia.
- (h) Penyata Kewangan Teraudit Terkini (*Audited Financial Statement*) dan Penyata Bank bagi 3 bulan terkini.

6.2 Borang sebutharga ini mestilah ditaip dan ditandatangani oleh pegawai yang terlibat.

6.3 Pembekal hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu sebutharga sahaja tanpa sebarang pilihan / *option*.

6.4 Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan bertanggungjawab sekiranya dokumen sebutharga yang diposkan oleh pembekal tidak sampai atau diterima lewat dari tarikh tutup yang ditetapkan. Perlu diingatkan bahawa bukti pos tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.

6.5 Pembekal-pembekal dinasihatkan supaya menyerahkan borang tawaran sebutharga mereka dengan tangan bagi mengelakkan kelewatan dan apa juga kemungkinan nanti. Dokumen-dokumen itu hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dihantar

ke Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri seperti di alamat yang tertera di dalam Kenyataan Tawaran Sebutharga.

6.6 Sebutharga yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

7. Hanya pembekal yang berjaya akan dihubungi oleh Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri.

8. Tempoh jaminan adalah 12 bulan selepas pentauliahan.

9. IP(*Intellectual Property*) dan kod aturcara yang akan dibangunkan adalah hak mutlak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA

**SEBUTHARGA BAGI “MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG,
MENGUJI DAN MENTAULIAH SISTEM iGOV *PENANG DASHBOARD*
FASA II KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG”**

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
(Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri)
Tingkat 24, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

Tuan,

**MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
SISTEM iGOV *PENANG DASHBOARD* FASA II KERAJAAN NEGERI
PULAU PINANG**

Kami telah baca dan faham segala syarat-syarat seperti yang tercatat di Lampiran Kenyataan Tawaran Sebutharga dan dengan ini bersetuju untuk mengemukakan sebutharga bagi perkara di atas seperti berikut :-

Ringgit Malaysia :

.....
.....
.....

(RM)

2. Kami bersetuju bahawa tawaran ini sah bagi tempoh sehingga 90 hari dari tarikh tawaran ini ditutup.

3. Kami faham bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak terikat untuk menerima mana-mana sebutharga yang menawarkan harga terendah.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan Pembekal :

Nama :

No.Kad Pengenalan :

Syarikat :

Alamat Syarikat :

.....

.....

No.Telefon :

Tandatangan Saksi :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

SKOP SISTEM iGOV *PENANG DASHBOARD* FASA II KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

1.0 PENDAHULUAN

Sistem iGOV *Penang Dashboard* merupakan salah satu aplikasi utama yang dikenalpasti serta disyorkan untuk dilaksana di bawah Pelan Strategik ICT Kerajaan Negeri Pulau Pinang (ISP PSUKPP 2011-2015). Sistem ini akan berperanan untuk membantu pihak pengurusan dalam merancang, menilai, mengukur dan seterusnya membantu dalam membuat keputusan.

iGOV *Penang Dashboard* Fasa I telah dibangunkan dan dilaksanakan pada tahun 2011. Skop projek pada Fasa I bertujuan untuk membantu pihak pengurusan memantau dan mengukur prestasi perkhidmatan pelanggan yang melibatkan pengurusan aduan dan kewangan Kerajaan Negeri. Sebanyak 4 sistem utama yang menjadi sebagai input kepada modul Fasa 1 berkenaan iaitu Sistem Perakaunan Komputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS), Sistem Aduan dan Informasi Kerajaan Negeri (ePINTAS), Aduan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Aduan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Selaras dengan ISP PSUKPP 2011–2015, Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk menambah 2 modul baru iaitu:

- i. Prestasi Pencapaian ISP PSUKPP
- ii. Prestasi Fizikal dan Kewangan Projek Pembangunan Negeri

Sehubungan itu, Sistem iGOV *Penang Dashboard* Fasa II yang akan dibangunkan mestilah mempunyai ciri-ciri dan modul-modul yang boleh diintegrasikan dengan Sistem iGOV *Penang Dashboard* Fasa I.


2.0 CADANGAN PROJEK

iGOV *Penang Dashboard* Fasa II terdiri daripada 2 modul utama iaitu Prestasi Pencapaian ISP PSUKPP dan Prestasi Fizikal dan Kewangan Projek Pembangunan. Pembangunan modul-modul ini adalah bagi membolehkan pihak pengurusan tertinggi memantau status pencapaian ISP PSUKPP 2011-2015 dan pencapaian prestasi fizikal dan kewangan projek-projek pembangunan Negeri. Rekabentuk asas iGOV *Penang Dashboard* adalah seperti di Rajah 1.

2.1 KATEGORI PENGGUNA

Berikut adalah kategori pengguna yang terlibat:

Kategori	Keterangan
Pengguna	Pengguna Tertinggi dan Pegawai PSUKPP/Jabatan
Pentadbir Sistem/ Pentadbir Teknikal Sistem	Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi Negeri(PTMKN), PSUKPP
Pasukan Kerja/ Pengguna Jabatan	<ul style="list-style-type: none">• Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)• Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi Negeri(PTMKN)



* Modul/item sedia ada bagi Sistem iGOV Penang Dashboard Fasa I

Rajah 1: Rekabentuk Sistem

2.2 ASPEK TEKNIKAL

Pembangunan Sistem iGOV Penang Dashboard Fasa II mestilah menggunakan 'tools' *QPR Scorecard* dan *Talend Open Data Solution* supaya dapat diintegrasikan dengan persekitaran sistem sedia ada.

Data dan maklumat kritikal daripada sistem aplikasi sedia ada akan diekstrak ke *data warehouse* bagi mempercepatkan proses capaian dan analisa oleh pengguna sistem. Modul-modul di bawah Fasa II ini berupaya mengintegrasikan modul-modul sedia ada dalam Sistem iGOV *Penang Dashboard* Fasa I termasuk akses pengguna dan capaian ke pangkalan data.

2.3 CIRI-CIRI SISTEM

Berikut adalah ciri-ciri utama sistem yang akan dibangunkan:-

Keperluan	Penerimaan
<i>Landing Page</i>	<ul style="list-style-type: none"> • 1 '<i>Landing Page</i>' Keseluruhan (Integrasi modul-modul dalam Fasa I dan Fasa II) • 1 '<i>Landing Page</i>' Pelan Strategik ICT PSUKPP • 1 '<i>Landing Page</i>' Sistem SPPN
<i>Dashboard</i>	<ul style="list-style-type: none"> • 1 <i>Dashboard</i> bagi keseluruhan (Fasa I dan Fasa II) • 1 <i>Dashboard</i> bagi Pelan Strategik ICT PSUKPP • 1 <i>Dashboard</i> bagi Sistem SPPN
Laporan	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan Pelan Strategik ICT PSUKPP • Laporan Sistem SPPN • Sistem MyPrestasi
Cube/Pangkalan Data	<p>3 cube</p> <p>Kekerapan kemaskini – Harian</p> <p>Sejarah data – 10 tahun</p>
Dimensi	7-10 dimensi
Peringatan (Alert)	<ul style="list-style-type: none"> • 1 <i>event</i> untuk Pelan Strategik ICT PSUKPP • 1 <i>event</i> untuk Sistem SPPN
Data Source	<ul style="list-style-type: none"> • Modul Pelan Strategik ICT PSUKPP <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Template</i> ii. Sistem MyPrestasi (QPR <i>Scorecard</i>)** • Sistem SPPN (MYSQL)
Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan sistem yang dibangunkan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang baik dan mestilah mengadaptasi Secured Programming.
Kawalan	<ul style="list-style-type: none"> • Validasi dan verifikasi input • <i>Audit Trail</i>

Keperluan	Penerimaan
	<ul style="list-style-type: none">○ Rekod dan Keseluruhan Aktiviti○ Laporan <i>Audit Trail</i>● Had Capaian

****NOTA PENTING**

Sistem MyPrestasi yang sedang dibangunkan oleh pihak Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (PTMKN) perlu diintegrasikan kepada sistem iGOV *Penang Dashboard* Fasa II sebagai salah satu input kepada modul pencapaian ISP PSUKPP.

2.4 CIRI-CIRI PERLUASAN KEMUDAHAN

Sistem yang dibangunkan mempunyai kemudahan/*flexible* untuk diperluaskan penggunaannya bagi lain-lain modul *dashboard* tanpa pengubahsuaian ke atas rekabentuk dan kod aturcara sistem.

3.0 TEMPOH PELAKSANAAN

Tempoh pelaksanaan projek adalah **tidak melebihi 5 bulan** pembangunan dan pentauliahan. Tempoh **jaminan adalah selama setahun (12 bulan)** selepas pentauliahan dan sebarang pindaan tanpa perubahan skop projek akan ditanggung oleh pihak penender.

LAMPIRAN A

**KERTAS CADANGAN PROJEK
SISTEM iGOV PENANG DASHBOARD FASA II
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

Kertas cadangan mestilah merangkumi perkara-perkara berikut:-

1. Pasukan projek
Sila kemukakan carta pasukan projek (pihak pembekal) yang akan terlibat dan CV bagi setiap ahli pasukan
2. Metodologi (*Agile Software Development*)
Sila nyatakan metodologi yang akan digunakan, keterangan ringkas, fasa (jika ada) dan contoh semua dokumentasi/borang dari kajian keperluan pengguna hingga pentauliahan.
3. Ciri-ciri sistem
Sila kemukakan cadangan ciri-ciri sistem dan komponen terlibat
4. Jadual pelaksanaan dalam bentuk carta perbatuan merangkumi fasa-fasa berikut:-
 - a. Kajian Keperluan Pengguna (URS)
 - b. Reka bentuk
 - c. Pembangunan
 - d. Ujian Penerimaan Awal (PAT)
 - e. Ujian Penerimaan Akhir (FAT)
 - f. Latihan
 - g. Pentauliahan

*Nota: Tempoh pelaksanaan projek adalah **tidak melebihi 5 bulan** pembangunan dan pentauliahan*

5. Program Latihan
 - a) Latihan Teknikal merangkumi perkara-perkara berikut:-
 - a. Pemasangan sistem
 - b. Prosedur *backup*
 - c. Penyelenggaraan sistem
 - d. Tindakan pembedahan (*Troubleshooting steps*)

Nota: Minimum 2 hari bagi 10 orang

- b) Latihan Pengguna merangkumi perkara-perkara berikut:-
 - a. Pengenalan
 - b. Modul subjek
 - c. Modul pengajaran terperinci

Nota: Minimum 3 hari bagi 55 orang

c) Latihan Perisian QPR *Scorecard* dan *Talend Open Data Solution* perlu meliputi modul latihan bagi versi terkini perisian-perisian terbabit:-

- i. Bagi QPR *Scorecard* perlu merangkumi sekurang-kurangnya latihan pada peringkat berikut:
 - a. QPR *Scorecard* untuk *Designer*
 - b. QPR *Scorecard* untuk *Developer*
 - c. QPR *Scorecard Portal*
 - d. QPR *Scorecard* untuk *Administrator*
- ii. Bagi *Talend Open Data Solution* perlu merangkumi modul latihan menyeluruh berdasarkan agenda latihan terkini bagi integrasi data peringkat *developer* dan *administrator*.

Nota: Minimum 5 hari bagi 5 orang

6. Sistem Pengoperasian dan menyokong IPv6
Sekiranya aplikasi tidak menyokong persekitaran Windows sila nyatakan sistem pengoperasian yang disyorkan dalam jadual harga dan perlu **mematuhi IPv6**.

LAMPIRAN B

PROFIL PENENDER

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
3. No. Telefon Dan No. Fax :
4. Tarikh Syarikat Ditubuhkan :
5. Jenis Perniagaan :
6. No. Pendaftaran Kementerian Kewangan :.....(Sila sertakan salinan sijil)
7. Tarikh Tamat Pendaftaran :
8. Taraf Bumiputra : Ya / Tidak
(Sila sertakan salinan Sijil jika taraf bumiputra)
9. Lembaga Pengarah

NAMA	NO. K/P	WARGANEGARA

10. Nama Bank : Alamat :
.....
.....
.....

- 11. Modal yang dibenarkan :.....
- 12. Modal Berbayar :.....
- 13. Kemudahan Overdraf :.....
- Nama Bank & Nilai :.....
-

14. Komposisi Modal

Bilangan pemegang saham mengikut jumlah unit saham

	Bilangan Pemegang	Jumlah Unit	%
a. Bumiputera	:.....
b. Bukan Bumiputera	:.....

15. Komposisi Kakitangan

	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
Eksekutif
Teknikal
Perkeranian
Buruh/ Kakitangan Rendah

16. Pejabat Sokongan Terdekat

Sila senaraikan seperti di bawah.

BIL	ALAMAT	NEGERI	JUMLAH KAKITANGAN TEKNIKAL

17. Pengalaman

Sila senaraikan butir-butir pengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan “**Pembangunan Sistem Bagi Pengukuran *Key Performance Index (KPI)* dan Prestasi** ” bagi tempoh 5 tahun lepas sekiranya ada. Sila gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi.

BIL	NAMA KONTRAK	KERAJAAN/ SWASTA	NILAI (RM)	TAHUN

PERHATIAN:

Sila sertakan surat tawaran kontrak daripada Jabatan/Agensi berkenaan.

18. Kerja Dalam Tangan

Sila senaraikan butir-butir kerja-kerja semasa yang sedang dilaksanakan oleh pihak pembekal. Sila gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi.

BIL	NAMA KONTRAK	KERAJAAN/ SWASTA	TEMPOH

19. Tempoh Masa Tindakbalas (*Response Time*) yang diperlukan untuk memberikan servis apabila diperlukan oleh pelanggan :

a. *On Call* :

b. *On Site* :

20. Perakuan

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua penerangan di atas adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Alamat Emel :

Cop Syarikat :

Tarikh :

LAMPIRAN C

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

.....(Tajuk dan Nombor Tender/ Sebutharga).....

Saya(Nama Wakil Syarikat).... nombor K.P. yang mewakili
..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
.....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-
mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada
mana-mana individu dalam (Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana individu lain,
sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas. Bersama-sama ini
dilampirkan surat Perwakilan kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk
membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
(Nama Kementerian/Agensi) atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih
dalam tender/sebut harga * seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-
tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
tender/sebut harga * seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau
balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....(Tandatangan).....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

.....

Saya nombor K.P. yang mewakili
..... nombor Pendaftaran
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi
rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-
mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di
atas. Bersama-sama ini dilampirkan surat Perwakilan kuasa bagi saya mewakili syarikat
seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
..... atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk
dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat
bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga * di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya
atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk
dipilih dalam tender/sebut harga * seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan
segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan
Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

LAMPIRAN D

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga
Bil PSUKPP/44/2012

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**

**SEBUT HARGA UNTUK PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
SISTEM iGOV PENANG DASHBOARD FASA II KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

Kepada (Nama Syarikat)..... | Pelawaan Sebut harga dikeluarkan oleh
..... | Kementerian/Jabatan
..... | **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN**
No. Telefon: | **NEGERI PULAU PINANG**
..... | **(PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN**
..... | **KOMUNIKASI NEGERI)**
..... | **PARAS 24 KOMTAR**
..... | **10503 PULAU PINANG**

No. Pendaftaran dengan Kementerian |
Kewangan: | No. Telefon: **04-6505352**

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan |
dengan pembelian ini **210104 Software** |
Product & Services |

| Tarikh: **26 APRIL 2012**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan **SEPERTI DI KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**
 - 1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **SEPERTI DI SKOP SISTEM**
 - 1.3 Arahan pengiriman **TIADA**.....
 - 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda No. Sebut Harga **Bil. PSUKPP/44/2012**
 - 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas **tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari 9 Mei 2012.**
 - 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh: Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan:

Bil.	Perihal bekalan / perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran Kuantiti / Kelekapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan			Untuk diisi oleh penyebut Harga	
	<p style="text-align: center;">PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH SISTEM iGOV PENANG DASHBOARD FASA II KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG</p> <p>Tarikh Penyerahan / Penyempurnaan ditawarkan</p> <p>.....</p> <p>* Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.</p>	<p>Rujuk Lampiran E (Jadual Harga)</p>	<p>JUMLAH</p>	<p>_____</p>

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya / Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut Harga:

.....

Nama dan K/P:

Alamat Syarikat:

Cop Rasmi Syarikat:

Tarikh:

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYA RAT-SYA RAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar

balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN
MALAYSIA**

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

LAMPIRAN E

SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH

SISTEM iGOV PENANG DASHBOARD KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

BIL	PERKARA	UNIT/ LOT	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
1	Pembangunan, pemasangan, pengujian dan pentauliahahan sistem (<i>Sila rujuk ringkasan skop sistem</i>)	1 lot		
2	Lesen Pengguna – 45 Lesen QPR Scorecard	1 lot		
3	Latihan			
a)	Latihan Teknikal (10 orang) - minimum 2 hari 1. Pemasangan sistem 2. Prosedur <i>backup</i> 3. Penyelenggaraan sistem 4. Tindakan pembetulan (<i>Troubleshooting steps</i>)	1 lot		
b)	Latihan Pengguna (55 orang) - minimum 3 hari 1. Pengenalan 2. Modul subjek 3. Modul pengajaran terperinci 4. Modul latihan pengguna (20 salinan) disertakan	1 lot		

SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH

SISTEM iGOV PENANG DASHBOARD KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

BIL	PERKARA	UNIT/ LOT	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
	c) Kursus Perisian QPR Scorecard dan Talend Open Data Solution (5 orang) – minimum 5 hari	1 lot		
4	Dokumentasi			
	a) Kajian Keperluan Pengguna 1. Proses kerja (semasa dan cadangan) 2. Spesifikasi table dan medan pangkalan data - Data flow diagram - Entity relationship diagram	3 salinan hardcopy dan 1 salinan softcopy		

**SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
SISTEM iGOV PENANG DASHBOARD KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

BIL	PERKARA	UNIT/ LOT	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
b)	<p>Dokumentasi Sistem Keseluruhan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Ciri-ciri sistem dan senarai kawalan 2. Proses kerja * 3. <i>Standard operating procedure</i> (Merangkumi Sistem, QPR Scorecard & Talend Open Studio) 4. <i>Database description</i> 5. <i>Data flow diagram</i> * 6. <i>Entity relationship diagram</i> * 7. Struktur sistem (skema aplikasi) 8. <i>Source code</i> & keterangan fungsi setiap fail aturcara <p>* Jika terdapat perubahan daripada kajian keperluan pengguna</p>	<p>3 salinan <i>hardcopy</i> dan 1 salinan <i>softcopy</i></p>		
c)	<p>Manual Operasi Sistem</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Prosedur pemasangan 2. Prosedur <i>backup</i> dan <i>restore</i> 3. Prosedur penyelenggaraan berjadual dan <i>housekeeping</i> 	<p>3 salinan <i>hardcopy</i> dan 1 salinan <i>softcopy</i></p>		

**SEBUTHARGA BAGI MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH
 SISTEM iGOV PENANG DASHBOARD KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

BIL	PERKARA	UNIT/ LOT	HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
	d) Manual Pengguna Online 1. Asas penggunaan 2. Ciri-ciri (menu, modul, kawalan dan sebagainya) 3. Cetak dan paparan laporan 4. Tindakan pembetulan (<i>troubleshooting steps</i>) (Mudah navigasi dan mesra pengguna)	1 lot		
			JUMLAH	

**Kadar Harga keseluruhan adalah sama dengan kadar harga di Lampiran D*

LAMPIRAN F

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

“PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMBANGUN, MEMASANG, MENGUJI DAN
MENTAULIAH SISTEM iGOV *PENANG DASHBOARD* FASA II
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG”

No.Sebutharga: Bil. PSUKPP/44/2011

Saya,..... Nombor K.P.....
yang memiliki syarikat.....
nombor Pendaftaran Syarikatdengan ini mengisytiharkan
bahawa saya memiliki syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada
mana-mana individu dalam **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atau
mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan ~~tender~~/sebut harga* seperti di
atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang** atau mana-mana individu lain, sebagai
ganjaran mendapatkan ~~tender~~/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik
syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan
berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi ~~tender~~/sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi ~~tender~~/sebut harga yang ditandatangani tanpa
bayaran ganti rugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku,
memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya
atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran
mendapatkan ~~tender~~/sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan
segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
(Nama:)
No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.